



MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN

KENYATAAN TENDER

Terbuka kepada **Kontraktor Bumiputera Negeri Terengganu SAHAJA** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bawah Kod Bidang **221002 (Membersih Kawasan) & 221003 (Mengangkat Sampah)** dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untuk perkhidmatan seperti berikut :

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN KERJA-KERJA BERKAITAN
UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN BAGI KAWASAN :**

Bil	No.Tender	Lokasi	Taklimat (Diwajibkan)	Tarikh Tutup Tender	Harga Dokumen
1.	MDHT.JPPP.T.23.03- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon A	Dalam Kawasan Majlis Daerah Hulu Terengganu	Tarikh : 21/12/2022 (Rabu) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Majlis Daerah Hulu Terengganu. Taklimat adalah diwajibkan kepada semua petender. Kontraktor yang menghadiri taklimat dikehendaki mengemukakan Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Hanya penama yang tercatat pada sijil tersebut sahaja dibenarkan daftar dan hadir taklimat.	19/01/2023 (Khamis) Sebelum Jam 12.00 Tengahari (Dokumen Yang Dihantar Lewat Tidak Akan Dipertimbangkan)	RM 100.00
2.	MDHT.JPPP.T.23.04- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon B				
3.	MDHT.JPPP.T.23.05- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon C				
4.	MDHT.JPPP.T.23.06- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon D				
5.	MDHT.JPPP.T.23.07- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon E				
6.	MDHT.JPPP.T.23.08- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon F				
7.	MDHT.JPPP.T.23.09- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon G				
8.	MDHT.JPPP.T.23.10- Perkhidmatan Pembersihan Awam dan kerja-kerja yang Berkaitan Di Zon H				

Dokumen Tender boleh diperolehi bermula 29/12/2022 sehingga 18/01/2023 di Kaunter Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Hulu Terengganu.

- Kontraktor diwajibkan **membawa sijil-sijil asal dan mengemukakan sesalinan sijil-sijil** yang berkaitan semasa mendapatkan Dokumen Tender. Sijil-sijil berkenaan mestilah sah laku tempohnya.
- Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat secara atas talian kepada No. Akaun Rasmi milik MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU : 0130 3250 0014 (Maybank). Slip Bayaran (berserta Tandatangan & Cop Syarikat) hendaklah dikemukakan semasa mendapatkan Dokumen Tender.
- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor / penama yang hadir taklimat dengan mengemukakan Slip Pengesahan Pendaftaran Sesi Taklimat dan membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
- Dokumen yang lengkap diisi hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis bilangan No. Tender serta Tajuk Tender di bahagian atas sebelah kiri, dihantar tangan atau diposkan berdaftar** sebelum pukul **12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam :

Peti Tender,
Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Hulu Terengganu
21700 Kuala Berang, Terengganu